



1972 - 2022







# 50 TAHUN JUBLI EMAS YAYASAN TERENGGANU

Diterbitkan Oleh :

Yayasan Terengganu  
Bangunan Yayasan, Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu  
Terengganu Darul Iman  
MALAYSIA  
2022



YAYASAN

TERENGGANU





©Hak cipta Yayasan Terengganu, 2022

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Yayasan Terengganu terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh :



Yayasan Terengganu

Bangunan Yayasan, Jalan Sultan Ismail  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman  
MALAYSIA.

Tel : +609-622 1733

E-mel : info@yt.gov.my

Reka Bentuk Grafik dan Cetakan di Malaysia oleh :

**Silvero**media

Lot 1145-B, Jalan Pasir Panjang

21100 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman  
MALAYSIA.

Tel : +609-620 5225 / +6019-3444 808

E-mel : silveromedia@gmail.com

Laman Web : www.silveromedia.com.my

Muka taip teks : Karla

Saiz taip teks : 12/17

Tajuk : 50 Tahun Jubli Emas Yayasan Terengganu

ISBN : 978-629-97096-02

08

---

TINTA BICARA

14

---

MUKADIMAH  
YAYASAN TERENGGANU

24

---

PENGERUSI  
LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG  
AMANAH YAYASAN TERENGGANU

34

---

PENGARAH  
YAYASAN TERENGGANU

60

---

PERKEMBANGAN  
50 TAHUN

128

---

PENCAPAIAN  
YAYASAN TERENGGANU

148

---

WARNA-WARNI  
WARGA YAYASAN TERENGGANU

164

---

PROGRAM SAMBUTAN  
JUBLI EMAS  
YAYASAN TERENGGANU

190

---

PENGHARGAAN





*Kata Aluan*

YAB MENTERI BESAR TERENGGANU



Alhamdulillah...

Setinggi-tinggi rasa kesyukuran dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan izinNya, Yayasan Terengganu kini telah menginjak usia 50 tahun penubuhannya. Pasti sepanjang tempoh ini, banyak kejayaan, pencapaian, kenangan suka dan duka telah pun dicapai dan dirasai oleh warga Yayasan Terengganu dalam usaha memartabatkan pendidikan anak Terengganu.

Justeru itu, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga Yayasan Terengganu yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam merealisasikan hasrat untuk melahirkan modal insan berkualiti berteraskan Prinsip Islam.

Arus pendidikan kian berkembang dan memerlukan pelbagai penguasaan ilmu dalam bidang-bidang kritikal. Oleh itu, satu perancangan yang terperinci perlu dirangka oleh pengurusan Yayasan Terengganu bagi memastikan Yayasan Terengganu dapat mencapai objektif penubuhannya iaitu membuka seluas-luasnya peluang kepada anak negeri ini bagi mendapatkan pendidikan ke peringkat yang tertinggi.

Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yayasan Terengganu atas kejayaan sepanjang 50 tahun ini. Semoga segala usaha yang telah kita lakukan ini mendapat keredhaan dariNya.

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar**  
MENTERI BESAR TERENGGANU







# Kata Aluan

PENGARAH YAYASAN TERENGGANU



Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah Rahmat dan IzinNya kita dapat meraikan ulang tahun penubuhan Yayasan Terengganu yang ke 50. Saya dengan berbesar hati ingin mengucapkan tahniah dan setinggi-tinggi terima kasih kepada seluruh warga Yayasan Terengganu dan semua pihak yang pernah terlibat dalam memastikan kejayaan sepanjang 50 tahun ini.

Sesungguhnya usaha yang dilaksanakan dalam membuka peluang seluas-luasnya kepada anak negeri ini bagi mencapai pendidikan ke tahap yang tertinggi, pelbagai kenangan pahit dan manis telah dirasai oleh seluruh warga Yayasan Terengganu. Pelbagai kejayaan, pencapaian dan kenangan telah dikecapi sepanjang 50 tahun ini, telah mematangkan kita warga Yayasan Terengganu. Insya Allah, kita mampu mencipta pelbagai lagi kejayaan pada masa akan datang.

Tanpa perancangan yang rapi dan keazaman yang tinggi oleh orang-orang terdahulu, mustahil Yayasan Terengganu dapat mencapai kejayaan sepertimana hari ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita pada hari ini untuk meneruskan kesinambungan ini dengan merangka pelan yang komprehensif sesuai dengan perkembangan keperluan pendidikan semasa. Sekali lagi saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang pernah terlibat dalam usaha Yayasan Terengganu memartabatkan pendidikan anak negeri. Segala usaha telah dicoretkan dalam Buku 50 Tahun Menabur Bakti ini sebagai tatapan kita sepanjang perjalanan 50 Tahun Yayasan Terengganu.

Sekian, terima kasih.


**Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham**

PENGARAH YAYASAN TERENGGANU









# **MUKADIMAH**

## **YAYASAN TEREANGGANU**



# LATAR BELAKANG

Ditubuhkan pada 1 Mei 1972 di bawah Enakmen Terengganu Bil.9 Tahun 1972.

"...ditubuhkan bertujuan untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang-peluang dan kemajuan-kemajuan pelajaran rakyat negeri ini..."



## VISI

Menjadi Organisasi  
Pembangunan Modal Insan  
Terengganu Yang Terunggul.



## MISI

Mempertingkatkan Keupayaan  
Organisasi Secara Holistik Serta  
Dinamik Menerusi :

- Pemerkasaan Pembangunan Pendidikan
- Penajaan Komprehensif
- Keutuhan Ekosistem
- Kemampanan Kewangan




## MOTO

Membangun Nilai  
Merintis Kejayaan.



# HASRAT PENUBUHAN

Tujuan penubuhan Yayasan Terengganu termaktub dalam Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972 sebagai usaha untuk meningkat, memaju dan memperkembangkan peluang-peluang dan kemajuan-kemajuan pelajaran negeri ini.





# FUNGSI YAYASAN TERENGGANU



# LOGO YAYASAN TERENGGANU 1972 - 2004



Huruf 'Y' yang menjunjung 'Crest' Negeri Terengganu Darul Iman melambangkan organisasi Yayasan Terengganu berada di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman dan kewujudan Yayasan Terengganu itu sendiri sebenarnya adalah sebuah manifestasi Kerajaan Negeri terhadap keinginannya untuk memperbanyak dan menambahkan lagi kemajuan dan kemudahan pelajaran.



Salah satu tumpuan utama aktiviti Yayasan Terengganu ialah untuk mempertingkatkan, menaja dan memperkembangkan peluang-peluang dan kemajuan pelajaran serta kemudahan-kemudahan pembelajaran.



Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Yayasan Terengganu dalam usaha untuk menambahkan pendapatan dan dalam masa yang sama pendapatan tersebut dibahagikan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang lain.



Perkembangan dan kemajuan Yayasan Terengganu selaras dengan matlamat negara.



Melambangkan organisasi dan kakitangan Yayasan Terengganu yang bekerja secara kolektif.









Melambangkan garis panduan dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan dalam melaksanakan fungsi-fungsi yang terkandung dalam bidang di atas.



# LOGO YAYASAN TERENGGANU 2004 - KINI



يأياسن ترڠڠانو  
YAYASAN TERENGGANU

-  Elemen utama adalah simplikasi akronim Y dan T yang diaplikasi ke dalam rupa yang paling ringkas. Reka bentuk yang seakan tangan yang menampung atau menadah menunjukkan fungsi dan kesediaan Yayasan Terengganu.
-  Mewakili imej buku dan mata pena yang mencerminkan pendidikan sebagai tanggungjawab utama Yayasan Terengganu. Garisan dan rupa bulat melambangkan kepentingan IT sebagai salah satu aplikasi.
-  Warna biru yang dipadankan membawa maksud kesediaan Yayasan Terengganu dalam memberi perkhidmatan yang terbaik.
-  Kuning menunjukkan nilai murni dan kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab.
-  Hitam dan putih pula, selain melambangkan warna bendera Terengganu, ia melambangkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan.
-  Warna merah melambangkan keberanian.



# AHLI LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH YAYASAN TERENGGANU

Bagi mengurus perjalanan pentadbiran Yayasan Terengganu mengikut apa yang digariskan dalam enakmen, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) akan melantik 11 orang ahli bagi menganggotai Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Terengganu di mana tiga orang adalah merupakan ahli tetap dan lapan orang ahli lain dilantik di dalam mesyuarat.

Ahli Tetap :

YAB Menteri Besar (Pengerusi)  
YB Setiausaha Kerajaan (Timbalan Pengerusi)  
YB Pegawai Kewangan Negeri (Ahli)

Ahli yang Dilantik :

Lapan orang ahli lain dilantik di dalam mesyuarat.

Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Terengganu dibantu oleh 11 jawatankuasa dan lembaga kecil yang ditubuhkan bagi memantapkan lagi pengurusan perjalanan pentadbiran Yayasan Terengganu, iaitu :

- Jawatankuasa Perjawatan
- Jawatankuasa Kewangan
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan Dan Pembangunan Pendidikan
- Jawatankuasa Tender (Perolehan)
- Jawatankuasa Panel Hakim Hadiah Kecemerlangan
- Jawatankuasa Audit
- Jawatankuasa Undang-Undang Dan Peraturan
- Lembaga Rayuan Naik Pangkat
- Jawatankuasa Tatatertib
- Jawatankuasa Rayuan Tatatertib



# FOKUS PERANCANGAN MASA DEPAN TAHUN 2022 - 2026

## ◆ **Penajaan Komprehensif**

Menyediakan peluang penajaan kepada anak Terengganu dalam pelbagai bidang profesional sesuai dengan keperluan negeri melalui kaedah dan sumber yang pelbagai.

## ◆ **Memperkasa Program Pendidikan**

Memperkasakan program pendidikan bagi memastikan skim bantuan, penganugerahan dan program pendidikan sesuai dengan keperluan semasa.

## ◆ **Pembangunan Pelajar**

Memastikan peluang anak Terengganu dapat menerima pendidikan di pelbagai bidang profesional / kemahiran serta penghasilan pelajar anak Terengganu yang holistik, seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

## ◆ **Pemantapan Program IMTIAZ**

Memantapkan lagi pengukuhan konsep Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik di kalangan pelajar IMTIAZ sesuai dengan keperluan dasar pendidikan negara melalui penerapan elemen pembelajaran yang berintegrasi, holistik dan berteknologi tinggi.


## ◆ **Keutuhan Ekosistem**

Keutuhan ekosistem boleh didefinisikan sebagai kebolehan dan kemampuan untuk menggabungkan dan menggunakan segala potensi sumber manusia dan peralatan yang ada dalam setiap unit di Yayasan Terengganu dalam menyediakan perkhidmatan melangkaui keperluan dan kehendak pelanggan.

## ◆ **Kemampuan Kewangan**

Kemampuan kewangan merujuk kepada keadaan kewangan Yayasan Terengganu yang mampu berdikari daripada geran operasi Kerajaan Negeri.





**PENGERUSI**  
**LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG**  
**AMANAH YAYASAN TEREANGGANU**



# PENUBUHAN LEMBAGA PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH YAYASAN TERENGGANU

Bagi maksud menguruskan Yayasan dan mentadbir serta mengendalikan kumpulan wang, maka hendaklah ada sebuah Lembaga Pemegang-pemegang Amanah, dipanggil Lembaga Pemegang-Pemegang Amanah Yayasan Terengganu yang mengandungi :

- Seorang Pengerusi, iaitu hendaklah Menteri Besar.
- Seorang Timbalan Pengerusi, iaitu hendaklah Setiausaha Kerajaan.
- Seorang Ahli iaitu hendaklah Pegawai Kewangan Negeri.
- Delapan orang ahli yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat.



**1** YAB Dato' Haji Nik Hassan  
bin Haji Wan Abdul Rahman  
(1972 - 1974)




2 YAB Dato' Seri Amar DiRaja  
Tan Sri Haji Wan Mokhtar bin Ahmad  
(1974 - 1999)





**3** YAB Dato' Seri Tuan Guru  
Haji Abdul Hadi bin Haji Awang  
(1999 - 2004)



4 YAB Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh  
(2004 - 2008)



**5** YAB Dato' Seri Haji Ahmad bin Said  
(2008 - 2014)



6 YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif  
bin Abd Rahman  
(2014 - 2018)






**7** YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri  
bin Mokhtar  
(2018 - sekarang)







**PENGARAH**  
**YAYASAN TERENGGANU**



1 YBhg. Dato' Haji Mohamed bin Endut  
(1.7.1972 - 30.11.1998)











2 YBhg. Dato' Haji Saidi bin Mohamed  
(1.12.1998 - 16.12.1999)











3 Tuan Haji Yusoff bin Tahir  
(4.1.2000 - 23.3.2004)





EMAS DAN HADIAH KECEMERLANGAN  
GGANU KALI KE 24 TAHUN 2003  
RAH HULU TERENGGANU  
SMIKAN OLEH  
ARUN BIN TAIB D.P.  
NEGERI TERENGGANU  
BERSAMAAN 7 SYAA







4 Tuan Haji Wan Osman bin Wan Long  
(20.4.2004 - 31.7.2007)











5 YBhg. Dato' Haji Md Kamaru Al-Amin  
bin Ismail  
(1.8.2007 - 31.1.2010)











6 Tuan Haji Aziz bin Mamat  
(1.2.2010 - 26.10.2011)











7 Tuan Haji Zakaria bin Yusof  
(27.10.2011 - 31.8.2013)











8 Tuan Haji Azmi bin Razik  
(1.9.2013 - 1.6.2014)












9 Tuan Haji Mohamad bin Sulong  
(2.6.2014 - 2.3.2017)











10 Tuan Haji Ishamudin bin Hashim  
(15.3.2017 - 31.3.2021)











11 YBhg. Dato' Haji Mohd Azmi  
bin Mohamad Daham  
(1.4.2021 - sekarang)

























**PERKEMBANGAN  
50 TAHUN**

# PENERANGAN ENAKMEN

Sebelum ini, fungsi penajaan dan pembiayaan pendidikan bagi anak-anak Terengganu tertanggung oleh SUK Terengganu Bahagian Pendidikan melalui penguatkuasaan dan pemakaian enakmen-enakmen.



Tiga (3) enakmen yang telah dimansuhkan dan diganti dengan Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972.

Walaupun terbatalnya undang-undang yang dinyatakan di dalam jadual itu tetapi peruntukan-peruntukan di bawah ini adalah berkuatkuasa :

- Sebarang aturan, peraturan atau perintah atau kontrak yang diperbuat di bawah dan menurut kuasa enakmen-enakmen tersebut dan berkuatkuasa hendaklah, setakat yang ianya tidak berlawanan dengan Enakmen ini, disifatkan sebagai telah diperbuat di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan dalam Enakmen ini dan hendaklah terus berkuatkuasa sehingga ianya telah dibatalkan, dipinda atau diganti dengan peraturan-peraturan, atau perintah-perintah atau kontrak yang diperbuat di bawah Enakmen ini.

## YAYASAN TERENGGANU

Enakmen Terengganu Bil. 9 Tahun 1972

(meliputi semua pindaan sehingga 30/8/1979)

Yayasan Terengganu ditubuhkan pada 1hb. Mei 1972 di bawah Enakmen Yayasan Terengganu Bil. 9 Tahun 1972. Penubuhannya adalah sebuah manifestasi Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman terhadap keinginannya untuk memperbanyak dan menambahkan lagi kemajuan dan kemudahan-kemudahan pelajaran dalam Negeri Terengganu Darul Iman, di samping menyatupadukan pengelolaan pemberian bantuan pelajaran.





Warta Trengganu  
Oktober 1972



## Yayasan belanja \$2 juta untuk bantuan pelajaran

**YAYASAN** Trengganu telah membelanjakan lebih kurang \$2 juta sepanjang tahun ini untuk berbagai-bagai keperluan pelajaran.

Demikian dinyatakan oleh Pegawai Yayasan, Encik Muhammad bin Endut dalam satu perjumpaan dengan WARTA TREGGANU baru-baru ini.

Dari jumlah tersebut, kira-kira separuh daripadanya digunakan untuk biasiswa, pinjaman dan bantuan pelajaran.

Pecahan dari peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

Seramai 70 orang mendapat biasiswa ke Institut Teknologi Kebangsaan dan jumlah wang yang dikeluarkan ialah sebanyak \$129,320.

Pinjaman ke Universiti-universiti dikeluarkan kepada 160 orang yang menelan belanja \$315,000.

Yayasan juga mengeluarkan bantuan-bantuan ke Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah, bayaran peperiksaan SRP-SPM/SIP, bantuan persekolahan ke Sekolah Menengah, bantuan asrama dan lain-lain bantuan berjumlah \$84,320.

Perbelanjaan bagi penuntut-penuntut yang

masih berada di Universiti-universiti ialah sebanyak \$296,478.

Dari jumlah ini termasuk biasiswa, demanswa, pinjaman dan bantuan.

Sebanyak \$688,032.12 juga dikeluarkan untuk perbelanjaan biasiswa/pinjaman ke Universiti-universiti dan Institut-Institusi Pengajian Tinggi kepada seramai 299 orang pelajar.

Pecahan bantuan itu adalah seperti berikut:

Pinjaman untuk 19 pelajar ke Mesir berjumlah sebanyak \$73,000.00. Serorang ke Universiti Singapura \$2,000, 114 ke Universiti Malaya berjumlah \$212,376.00 dan 59 ke Universiti Kebangsaan sebanyak \$118,000.

Seramai 17 orang ke Universiti Sains Malaysia dengan belanja \$32,400.00, 34 ke Universiti Pertanian Malaysia \$65,416.00, Institut Pertanian Serdang seramai 22 orang dengan bantuan pinjaman sebanyak \$39,468.00, 4 orang ke Institut Pertanian Batu Lima sebanyak \$7,176.00, Institut Tek-

nologi Kebangsaan seramai 31 orang berjumlah \$55,800.00 dan 8 orang ke Universiti Seberang Laut sebanyak \$49,044.12.

Yayasan juga mengeluarkan lebih dari \$150,000 untuk bantuan perodisian, bantuan peperiksaan, bantuan tambang dan bantuan asrama/sewa rumah.

Stilah eicir belajar akan dihapus

Seramai 159 orang mendapat bantuan perodisian berjumlah \$19,121.65.

Bantuan peperiksaan kepada 2,436 orang murid ialah sebanyak \$57,386.00, bantuan tambang kepada 247 orang sebanyak \$10,993.70 dan bantuan asrama/sewa rumah kepada 125 orang berjumlah \$11,194.00.

Yayasan juga telah mengeluarkan sebanyak \$64,566.97 untuk bantuan buku-buku tek bagi tingkatan 2.

Sejumlah 22,024 buah buku telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu.

Yayasan juga bertanggungjawab mengadakan asrama di tiap-tiap buah jajahan. Semuanya ini membolehkan asrama di Kuala Trengganu dengan bangunan tambahan dua tingkat telah siap digunakan dalam tahun ini.

Di beberapa jajahan yang lain Yayasan mengadakan asrama sementara dengan menyewakan rumah-rumah yang sesuai sebelum bangunan tetap didirikan.

Untuk asrama-asrama sementara ini Yayasan Trengganu mengeluarkan belanja sebanyak \$9,648.72.

Encik Muhammad Endut berkata sambutan yang diberikan oleh Yayasan Trengganu adalah besar jika dikaji dari semua sudut.

Gta-ota kerajaan ialah mahu menghapuskan sama sekali istilah ke-ciciran di kalangan pelajar-pelajar di negeri ini.

"Yayasan akan ber sifat adil kepada setiap rakyat yang berfikir menurina, bantuan pelajar-an," katanya.

Sejumlah 22,024 buah buku telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu.

Yayasan juga bertanggungjawab mengadakan asrama di tiap-tiap buah jajahan. Semuanya ini membolehkan asrama di Kuala Trengganu dengan bangunan tambahan dua tingkat telah siap digunakan dalam tahun ini.

Di beberapa jajahan yang lain Yayasan mengadakan asrama sementara dengan menyewakan rumah-rumah yang sesuai sebelum bangunan tetap didirikan.

Untuk asrama-asrama sementara ini Yayasan Trengganu mengeluarkan belanja sebanyak \$9,648.72.

Encik Muhammad Endut berkata sambutan yang diberikan oleh Yayasan Trengganu adalah besar jika dikaji dari semua sudut.

Gta-ota kerajaan ialah mahu menghapuskan sama sekali istilah ke-ciciran di kalangan pelajar-pelajar di negeri ini.

"Yayasan akan ber sifat adil kepada setiap rakyat yang berfikir menurina, bantuan pelajar-an," katanya.

Sejumlah 22,024 buah buku telah diberikan kepada pelajar-pelajar yang tidak mampu.

Yayasan juga bertanggungjawab mengadakan asrama di tiap-tiap buah jajahan. Semuanya ini membolehkan asrama di Kuala Trengganu dengan bangunan tambahan dua tingkat telah siap digunakan dalam tahun ini.

Di beberapa jajahan yang lain Yayasan mengadakan asrama sementara dengan menyewakan rumah-rumah yang sesuai sebelum bangunan tetap didirikan.

Untuk asrama-asrama sementara ini Yayasan Trengganu mengeluarkan belanja sebanyak \$9,648.72.

Encik Muhammad Endut berkata sambutan yang diberikan oleh Yayasan Trengganu adalah besar jika dikaji dari semua sudut.

Gta-ota kerajaan ialah mahu menghapuskan sama sekali istilah ke-ciciran di kalangan pelajar-pelajar di negeri ini.

"Yayasan akan ber sifat adil kepada setiap rakyat yang berfikir menurina, bantuan pelajar-an," katanya.



Encik Muhammad Endut (tengah) sedang menyaksikan kecekapan maha-aseh sebuah rumah perkelahan yang berharga \$2,000, oleh Pegawai Daerah Dungun, Encik Salleh Ismail dan Yayasan, Balis dan Bukit Negeri, Tun Abdul Razak.





Pada 1 Mei 1972, Yayasan Terengganu telah beroperasi di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu di Bukit Che Long, Jalan Cherong Lanjut, Kuala Terengganu.



Premis kedua Pejabat Yayasan Terengganu di Jalan Tok Lam, Kuala Terengganu.



Bangunan Yayasan Terengganu dari tahun 1976 hingga sekarang, yang terletak di Jalan Sultan Ismail, Kuala Terengganu.




Yayasan Terengganu lahir daripada niat dan hasrat YAB. Menteri Besar, Dato' Haji Nik Hassan bin Haji Wan Abdul Rahman demi kemajuan pendidikan. Pada ketika itu, beliau memikirkan untuk mengintegrasikan segala aktiviti pendidikan dengan menggunakan sumber kewangan sendiri.



# CARTA ORGANISASI

Carta Organisasi Yayasan Terengganu  
(Terengganu Enactment No. of 1972 - 6 Mei 1972)  
Yayasan Terengganu - Organisation Chart





يأياسن ترڠگانو  
YAYASAN TERENGGANU

**PENAJAAN, PENGANUGERAHAN,  
BANTUAN, PROGRAM PENDIDIKAN  
DAN INSTITUSI PENDIDIKAN**



# PENAJAAN

## PERKEMBANGAN PENAJAAN YAYASAN TERENGGANU

# 1980

Negara : Amerika Syarikat & United Kingdom  
Bidang : Kejuruteraan / Perakaunan / Ukur Bahan



# 1996 / 1997

Negara : Indonesia / Jordan / Mesir / Pakistan / India  
Bidang : Perubatan



# 2019

Penajaan / Program Biasiswa Skim Pelajar Cemerlang bagi mengikuti Ijazah Pertama Luar Negara dan penumpuan penajaan adalah kepada bidang STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik)





### Fokus Penajaan

- Meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh pelajar dalam membuat persediaan awal sebelum meneruskan pengajian.
- Mengelakkan daripada berlakunya kes kegagalan pelajar di institusi pengajian kerana masalah kewangan.
- Sebagai galakan kepada pelajar untuk terus berusaha mencapai kejayaan.








"Bermula tahun 1972 hingga 2021, seramai 142,144 orang pelajar telah ditaja oleh Yayasan Terengganu yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM 1,009,061,567.40"





## Penajaan Luar Negara







Wisma Darul Iman, Terengganu, Malaysia  
di Hayyu Sabik, Kaherah, Mesir.

Kemudahan asrama kepada anak-anak Terengganu  
di Mesir.



#### **Biasiswa & Pinjaman**

- Biasiswa Skim Pelajar Cemerlang (dalam & luar negara)
- Biasiswa Program Sarjana & PhD
- Biasiswa Program Professional ACCA
- Pinjaman One-off & Top-up (dalam dan luar negara)
- Pinjaman Latihan Kemahiran





# PENGANUGERAHAN

## ANUGERAH PINGAT EMAS DAN HADIAH KECEMERLANGAN YAYASAN TERENGGANU



Pingat Emas yang digunakan pada tahun 1980 hingga 2007.

### Maksud Pingat Emas

- Bentuk asal bahagian bulat melambangkan kesucian sesuatu pertubuhan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
- Bentuk cabang melambangkan cabang ilmu.
- Logo Yayasan Terengganu melambangkan pusat pengajian atau inspirasi pembelajaran atau kepimpinan Negeri Terengganu.



Pingat Emas yang digunakan pada tahun 2008 hingga sekarang.





Anugerah Pingat Emas Yayasan Terengganu telah diwujudkan pada tahun 1980, bertujuan memberi dorongan kepada semua pelajar Negeri Terengganu untuk terus meningkatkan prestasi akademik, kokurikulum dan sahsiah diri. Yayasan Terengganu telah memilih pelajar terbaik dalam kalangan penerima-penerima hadiah kecemerlangan pada peringkat peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi menerima Anugerah Pingat Emas Yayasan Terengganu.



**Penerima Anugerah Pingat Emas Yayasan Terengganu Tahun 1979 - 2020.**



1979  
Wan Naimah binti Mamat  
Sek. Men. Sains  
Kuala Terengganu



1979  
Mohd Marzuki bin Mustaffa  
Sek. Men. Sains  
Kuala Terengganu



1979  
Sharifah Faezah  
binti Tuan Hitam  
Sek. Men. Sains  
Kuala Terengganu



1980  
Hamid bin Abdillah  
Sek. Men. Sains  
Kuala Terengganu



1980  
Ching Soon Jin  
Sek. Men. Sultan Ismail,  
Kemaman



1981  
Wan Azhar Lotpi  
bin Wan Yusuf  
Sekolah Sultan Mahmud,  
Terengganu



1981  
Jamaluddin bin Ahmad  
Sekolah Alam Shah,  
Kuala Lumpur



1981  
Che Noorliza binti Lat  
Sekolah Sultan Mahmud,  
Terengganu



1981  
Nik Zulkifli bin Nik Wan  
Sekolah Alam Shah,  
Kuala Lumpur



1982  
Mek Rasni binti Jusoh  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



1982  
Mohamed Rushdi  
bin Muhamed Anuar  
MRSM  
Kuala Terengganu



1982  
Kamarulsalam  
bin Haji Yusof  
Kolej Islam Klang



1982  
Zulkarnain bin Ab. Malek  
MRSM Kuala Terengganu



1982  
Wan Amal  
binti Wan Mokhtar  
Sekolah Seri Puteri,  
Kuala Lumpur



1983  
Choo Sheue Moi  
Sek. Men.  
Chung Hwa Wei Sin



1983  
Tan Swee Chai  
Sek. Men. Sultan Abu Bakar,  
Johor Bahru



1983  
Muhamad Abdul Karim  
bin Wahab  
Kolej Islam Klang



1983  
Munirah binti Mokhtar  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



1983  
Long Ahmad Rosli  
bin Long Hassan  
Kolej Agama  
Sultan Zainal Abidin,  
Kuala Terengganu



1984  
Nik Fatimah Salwati  
binti Nik Malek  
Sekolah Seri Puteri,  
Kuala Lumpur



1984  
Che Mohd Apani  
bin Muhamad  
MRSM  
Kuala Terengganu





1984  
Roslan bin Ibrahim  
Sek. Men. Sains Dungun



1984  
Nazli bin Mokhtar  
MRSM  
Kuantan



1984  
Norhafiza binti Haji Mohd  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



1984  
Wan Hekmat  
binti Wan Mokhtar  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



1985  
Ahmad Zamiri  
bin Abd. Ghani  
Maktab Melayu  
Kuala Kangsar



1986  
Effat @ Suhaida  
binti Omar @ Abdul Rahman  
MRSM  
Kuala Terengganu



1987  
Dzulfikar bin Mohd Salleh  
MRSM  
Muar



1988  
Mohd Rozaimi  
bin Abd. Ghani  
Kolej Melayu  
Kuala Kangsar



1989  
Wan Mohd Faizal bin Wan  
Mahmood  
MRSM  
Kulim



1990  
Shahrin Tarmizi  
bin Che Abdullah  
Sek. Men. Sultan Sulaiman,  
Kuala Terengganu



1991  
Norbaida binti Abu Bakar  
Sek. Men. Sultan Sulaiman,  
Kuala Terengganu



1991  
Heng Aik Shian  
Sek. Men. Keb. Padang  
Midin, Kuala Terengganu



1992  
Mohd Adlan  
bin Mamat @ Ali  
MRSM  
Taiping



1993  
Nik Wan Rosmini  
binti Wan Abdul Kadir  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



1994  
Mohd Ashraf  
bin Abd. Rahim  
Sek. Dato' Abdul Razak,  
Seremban



1995  
Ahmad Husainiamir  
bin Sa'aid @ Zaidun  
MRSM  
Kuala Terengganu



1996  
Najihah binti Haji Awang  
Sek. Men. Keb. Agama Tok  
Jiring, Kuala Nerus



1996  
Fatimatu Zahra'  
binti Abd Rahman  
Kolej Islam  
Sultan Alam Shah, Klang



1997  
Wan Ahmad Hafiz  
bin Wan Md. Adnan  
MRSM  
Taiping



1997  
Iza Noor Ruaida  
binti Draman  
Sek. Men. Keb. Agama Tok  
Jiring, Kuala Nerus



1998  
Ahmad Syakirin  
bin Abdullah @ Zawawi  
MRSM  
Jasin



1998  
Nor Farihan binti Mohd Yatim  
Sek. Men. Sains  
Sultan Mahmud,  
Kuala Terengganu



1999  
Nor Aida binti Ismail  
Sek. Men. Sains Dungun



1999  
Noradnin Hafeeza  
binti Haji Nawawi  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



2000  
Zatul Rathiah  
binti Sulong @ Abdul Razak  
Sek. Men. Keb. Agama Sheikh  
Abdul Malek,  
Kuala Terengganu



2001  
Aulfah binti Azman  
Sek. Men. Keb.  
Sultan Sulaiman,  
Kuala Terengganu



2002  
Nuraziatul Aida binti Ismail  
Kolej Tunku Kurshiah,  
Seremban



2002  
Othman bin Puteh  
Sek. Men. Keb. Agama Tok  
Jiring, Kuala Nerus



2003  
Mohd Habib Hasan  
bin Mohamed  
Sekolah Alam Shah,  
Kuala Lumpur



2003  
Ahmad Farhan bin Ali  
Kolej Islam  
Sultan Alam Shah, Klang



2003  
Nur Aiza binti Zaidin  
Sek. Men. Agama  
Persekutuan,  
Kajang



2004  
Nik Nabilah  
binti Nek Rakami  
Kolej Islam  
Sultan Alam Shah, Klang



2004  
Nur Raziana binti Rozi  
Sek. Men. Keb. Agama  
Sheikh Abdul Malek,  
Kuala Terengganu



2004  
Wan Anwar Fahmi  
bin Wan Mohamad  
Kolej Islam  
Sultan Alam Shah, Klang



2005  
Aini Nabilah  
binti Abdul Raub  
Sek. Men. Agama  
Persekutuan Labu,  
Negeri Sembilan



2006  
Nadia Rohani  
binti Abdul Malik  
Sek. Men. Keb. Agama  
Nurul Ittifaq, Besut



2007  
Ahmad Fakhrul Zulhilmi  
bin Zakaria  
Sek. Men. Sains Dungun



2008  
Marhaina binti Ismail  
MRSM Kota Putra,  
Besut



2009  
Nur Razlina binti Rozi  
Sek. Men. Keb. Agama  
Sheikh Abdul Malek,  
Kuala Terengganu



2010  
Raja Akif bin Raja Zahirudin  
Sek. Men. Keb. Rantau  
Petronas,  
Kerteh



2011  
Muhammad Firdaus  
bin Hamzah  
Sek. Men. IMTIAZ  
Kuala Berang



2011  
Fatin Hamimi  
binti Abdullah  
Sek. Men. Keb. Agama  
Nurul Ittifaq, Besut





2012  
Anis Raihan binti Asmadi  
Sek. Men. Keb. Agama Sheikh  
Abdul Malek,  
Kuala Terengganu



2012  
Muhamad Hamdan Syafieq  
bin Ahmad  
Sek. Men. Agama (A)  
Sultan Zainal Abidin,  
Kuala Terengganu



2013  
Mohamad Amirul Shah  
bin Alias  
Sekolah Berasrama Penuh  
Integrasi Batu Rakit



2013  
Nurul Syakirah Najihah  
binti Noordin  
Sekolah Berasrama Penuh  
Integrasi Batu Rakit



2013  
Siti Nur Amirah  
binti Kamaruddin  
Sek. Men. IMTIAZ  
Yayasan Terengganu  
Kuala Terengganu



2013  
Nurul Syafiqah  
binti Muhamad Zaini  
Sekolah Berasrama Penuh  
Integrasi Batu Rakit



2014  
Muhammad Rafiuddin  
bin Rahim  
Sek. Men. Keb. Agama Dato'  
Haji Abbas, Kuala Nerus



2014  
Nur Aqilah binti Jalaluddin  
Sek. Men. IMTIAZ  
Kuala Terengganu



2015  
Nazrul Adrian bin Abdullah  
Sek. Men. Keb.  
Tengku Intan Zaharah,  
Dungun



2015  
Wan Nur Liyana  
binti Wan Mohmad Asri  
Sekolah Berasrama Penuh  
Integrasi Batu Rakit



2016  
Husna Mardhiyyah  
binti Mohd Fauzi  
Sek. Men. IMTIAZ  
Yayasan Terengganu  
Kemaman



2016  
Najmuddin bin Mohd Razif  
Sek. Men. Keb. Agama  
Nurul Ittifaq, Besut



2017  
Muhammad Syauqellah  
bin Razali  
Sek. Men. Keb. Agama Sheikh  
Abdul Malek, Kuala Terengganu



2017  
Muhammad Khairul Azri  
bin Mohd Khalid  
Sek. Men. IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Besut



2018  
Muhammad Hilman  
bin Nor Azmi  
Sek. Men. IMTIAZ Yayasan  
Terengganu Kuala  
Terengganu



2018  
Amirah Husna  
binti Abdul Kahar  
Sek. Men. Sains Sultan  
Mahmud, Kuala Nerus



2020  
Aisya Sumaiyah binti Sharif  
Sek. Men. IMTIAZ Yayasan  
Terengganu Dungun



2020  
'Aaliyah Nafeesa  
binti Muhamad Nordin  
Sek. Men. Keb. Agama Dato'  
Haji Abbas, Kuala Nerus



## Anugerah Kecemerlangan Pelajar

Anugerah Kecemerlangan Pelajar diwujudkan sejak tahun 1979. Ianya diwujudkan sebagai salah satu inisiatif dan langkah Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu dalam memperkembangkan dan meningkatkan kemajuan pendidikan di Negeri Terengganu sekaligus merangsang para pelajar untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan Kerajaan Negeri kepada anak-anak Terengganu yang cemerlang dalam peperiksaan awam peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah yang memperolehi gred A dalam setiap subjek.



"Sejak tahun 1979 sehingga 2019 bilangan penerima Anugerah Kecemerlangan seramai 12,739 orang"

Hadiah / Anugerah Kecemerlangan yang diberikan kepada para pelajar adalah berbentuk wang tunai dan sijil penghargaan.









## Anugerah Khas

Anugerah Khas mula diperkenalkan pada tahun 2014. Anugerah ini diberikan kepada pelajar-pelajar kelainan upaya (OKU) yang cemerlang dalam kalangan anak-anak Terengganu di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Yayasan Terengganu merangkumi aspek kepimpinan, sahsiah dan kokurikulum.







50 TAHUN YAYASAN TERENGGANU MENABUR BAKTI DALAM BIDANG PENDIDIKAN







## ANUGERAH SARJANA TERENGGANU



Anugerah Sarjana Terengganu merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri melalui Yayasan Terengganu bagi merangsang semangat anak Terengganu di Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajian masing-masing.

Anugerah ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1998 dan merupakan satu pengiktirafan kepada semua pelajar dalam kalangan anak-anak Terengganu yang berjaya mendapat kecemerlangan di peringkat Ijazah Sarjana Muda (sepenuh masa) dan memperolehi keputusan Kepujian Kelas Pertama dengan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) 3.75 ke atas.





Pemberian insentif ini dikelaskan kepada dua bidang utama iaitu :

- i) Bidang Iktisas.
- ii) Bidang Bukan Iktisas.

Pelajar-pelajar terpilih untuk anugerah ini akan diberikan sebanyak :

- i) RM4,000 - Bidang Iktisas.
- ii) RM2,000 - Bidang Bukan Iktisas.

**"Sejak tahun 1998 sehingga tahun 2019 penerima Anugerah Sarjana Terengganu seramai 1,815 orang"**





# BANTUAN

## BANTUAN PERSEKOLAHAN

### **Asrama Yayasan Terengganu Sementara dan Rumah Sewa**

Asrama Yayasan Terengganu Sementara dan Rumah Sewa Asrama Yayasan Terengganu Kuala Terengganu mula diwujudkan pada tahun 1974 yang terletak di Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu. Tujuan asrama ini diwujudkan adalah bagi menampung kekurangan tempat tinggal yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran pada ketika itu. Yayasan Terengganu juga menyediakan rumah-rumah sewa untuk dijadikan asrama sementara sebanyak 16 buah di seluruh daerah.



Bangunan Asrama Yayasan Terengganu di Jalan Batu Buruk Tahun 1974.

### **Bantuan Tambang**

Pada awal era 70-an, Yayasan Terengganu menyediakan bantuan tambang untuk diberikan kepada pelajar-pelajar yang tinggal jauh dari sekolah dan tidak mempunyai asrama di sekolahnya. Pada ketika itu, Yayasan Terengganu telah membelanjakan sebanyak RM30 ribu bagi tujuan tersebut.





Sebahagian dari pelajar-pelajar wanita sedang tekun membaca di bilik bacaan.

#### **Bantuan Buku Teks / Perpustakaan**

Pada tahun 1973, Yayasan Terengganu telah mewujudkan Bantuan Buku Teks bagi pelajar-pelajar sekolah menengah dan rendah yang miskin di seluruh Negeri Terengganu. Bantuan Buku Teks ini adalah berbentuk pinjaman sahaja dan tidak menjadi hak milik pelajar-pelajar tersebut.

#### **Bantuan Sekolah Rendah Berasrama**

Bermula tahun 1982, Yayasan Terengganu telah menubuhkan tiga buah sekolah rendah berasrama iaitu Sekolah Kebangsaan Kuala Jengal, Sekolah Kebangsaan Tengkadang dan Sekolah Kebangsaan Kampung Buluh. Pelajar-pelajar yang berjaya ditempatkan di sekolah-sekolah tersebut akan diberi bantuan kewangan sebanyak RM30 sebulan.

#### **Bantuan Peperiksaan**

Bantuan Peperiksaan ini merupakan bantuan dalam bentuk kewangan yang diberikan kepada pelajar-pelajar yang akan mengambil peperiksaan awam untuk membayar yuran peperiksaan. Kadar bayaran ini berbeza mengikut pendapatan keluarga pelajar-pelajar berkenaan dan juga mengikut kadar yuran yang dikenakan.

#### **Bantuan Murid Miskin**

Pemberian bantuan dalam bentuk wang saku kepada murid-murid yang layak yang tinggal di asrama-asrama desa sekolah rendah bermula dari tahun 1984.





## BIASISWA KECIL YAYASAN TERENGGANU



Yayasan Terengganu juga telah menawarkan biasiswa kepada anak-anak Terengganu di peringkat sekolah menengah bantuan kerajaan yang dikenali sebagai Biasiswa Kecil Yayasan Terengganu (BKYT). Biasiswa Kecil Yayasan Terengganu ini adalah bertujuan membantu dan sebagai dorongan kepada pelajar-pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah tetapi mempunyai potensi akademik yang baik.

**"Sejak tahun 1982, penerima adalah melebihi 250 ribu orang pelajar"**



## SEKOLAH ANGKAT (PENDIDIKAN RENDAH)




Yayasan Terengganu juga mengambil cakna kepada sekolah-sekolah kurang murid dengan menjadikan sekolah-sekolah tersebut sebagai 'Sekolah Angkat' Yayasan Terengganu. Sebanyak lapan buah sekolah dari seluruh negeri telah dijadikan 'Sekolah Angkat' Yayasan Terengganu.

Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah seperti Sekolah Kebangsaan Pechah Rotan, Sekolah Kebangsaan Minda Talong, Sekolah Kebangsaan Bukit Mundok, Sekolah Kebangsaan Kampung Baru Tok Dor, Sekolah Kebangsaan Payoh, Sekolah Kebangsaan Jenang, Sekolah Kebangsaan Kemat dan Sekolah Kebangsaan Paya Bunga.





Objektif penyediaan program ini adalah untuk meningkatkan kemudahan sokongan pembelajaran kepada sekolah terlibat melalui bantuan buku rujukan, bantuan kemudahan kenderaan dan program bantuan kewangan bagi memajukan program-program pendidikan.



Selain daripada memberi bantuan dalam bentuk material, Yayasan Terengganu juga turut mengadakan program-program motivasi, kem akademik dan lawatan ke luar Negeri Terengganu untuk pelajar-pelajar berkenaan.





## BANTUAN PERSEDIAAN

Skim Bantuan Persediaan telah diperkenalkan sejak tahun 1995 sebagai bantuan persediaan awal kepada anak Terengganu sebelum meneruskan pengajian bagi mengurangkan beban kewangan para pelajar. Peringkat pengajian yang layak menerima bantuan persediaan adalah sebagaimana berikut :

- i) Sekolah Berasrama Penuh
- ii) Sijil
- iii) Matrikulasi /Asasi / A-Level
- iv) Diploma
- v) Ijazah Sarjana Muda
- vi) Sarjana (Master)
- vii) Doktor Falsafah (PhD)

"Seramai **341,666** orang anak Terengganu telah menerima Bantuan Persediaan bagi melanjutkan pelajaran"





## BANTUAN SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

Kecaknaan Yayasan Terengganu diteruskan lagi melalui bantuan yang disalurkan kepada dua buah sekolah Pendidikan Khas (Cacat Pendengaran) iaitu :

- i) Sekolah Pendidikan Khas Chendering, Kuala Terengganu
- ii) Sekolah Pendidikan Khas Tengku Mahmud, Besut





# PROGRAM PENDIDIKAN

## PROGRAM TRANSFORMING ENGLISH IN TERENGGANU (TRENLISH)

TRENLISH Project Lab 2014 - 2016 yang diadakan di TH Hotel & Convention Centre, Kuala Terengganu pada 5 - 7 Januari 2014.



Program Transforming English in Terengganu (TRENLISH) telah dimulakan pada tahun 2014 dengan objektif memperkasakan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah di Terengganu. Seorang pembantu guru Bahasa Inggeris atau T-Help (Terengganu Hired English Language Personnel) yang dilantik oleh Yayasan Terengganu ditempatkan di setiap sekolah / institusi yang dipilih.







Pada tahun 2015, PETRONAS juga terlibat dalam program ini dan menjadi penaja utama untuk aktiviti-aktiviti TRENLISH seperti :

- Majalah Hey TRENLISH
- TRENLISH Junior Summer Camp
- Mega TRENLISH Camp
- NIE The Starr

Untuk tahun 2020, program ini telah melibatkan 51 buah sekolah dan institusi yang meliputi semua daerah di Terengganu. Bagi tahun 2022 pula, Program TRENLISH di bawah Yayasan Terengganu dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Petronas, Petrosains dan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu (JPNT) melalui program Young Technologist Program (YTP). Program ini bertujuan memperkasakan bidang STEM di kalangan pelajar di Terengganu. Program ini melibatkan 17 buah sekolah merangkumi seluruh daerah di Negeri Terengganu.





## PERSATUAN MAHASISWA ANAK TERENGGANU (PERMATA)

Ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2000.

23 buah PERMATA yang berada di IPTA dan IPTS di seluruh negara.

PERMATA luar negara (OSTEC) di UK, Rusia, Australia, New Zealand, Mesir & Jordan.



Mempunyai empat buah pejabat zon.

Pejabat Zon	Tahun
Zon Timur	2014
Zon Tengah	2014
Zon Selatan	2015
Zon Utara	2017

Terdapat tiga orang Pegawai Perhubungan Mahasiswa Terengganu PERMATA yang dilantik.







### Matlamat Penubuhan PERMATA

- Menjadi platform mencungkil bakat kepimpinan dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi sebagai aset Negeri Terengganu untuk masa hadapan.
- Menjadi salah satu medium untuk penyaluran maklumat antara Kerajaan Negeri dan mahasiswa / mahasiswi Terengganu.
- Membawa sumbangan idea daripada mahasiswa / mahasiswi untuk pembangunan Negeri Terengganu.
- Merapatkan ukhwh antara mahasiswa / mahasiswi anak Terengganu di seluruh universiti di Malaysia.
- Memupuk semangat kekeluargaan dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi.
- Menyemai semangat berorganisasi dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi.
- Melahirkan dan melatih mahasiswa / mahasiswi di dalam kepimpinan.







#### Fungsi Pejabat Zon PERMATA

- Pusat Sehenti Mahasiswa Terengganu (*Terengganu University Student One Stop Centre : T-Use*).
- Pusat Membantu Hal Ehwal Kebajikan Mahasiswa.
- Pusat Membangun Modal Insan (*SOFTSKILL*) Mahasiswa.
- Pusat Pangkalan Data Siswazah & Maklumat Kerjaya.
- Bilik Gerakan Operasi PERMATA IPT Setiap Zon.
- Pusat Persinggahan / Penginapan Sementara (*Budget Lodge*).





## PERSATUAN ALUMNI PELAJAR YAYASAN TERENGGANU (PAKAT YT)



Penubuhan persatuan ini bertujuan untuk mengumpul seramai mungkin keahlian bekas pelajar Yayasan Terengganu dari pelbagai bidang yang akan menjadi pemikir kepada negeri dalam aspek pembangunan pendidikan dan lain-lain. Selain itu, PAKAT YT ditubuhkan bagi menyalurkan dasar-dasar Kerajaan Negeri kepada bekas pelajar Yayasan Terengganu secara tepat yang kemudiannya akan disampaikan kepada masyarakat dengan lebih efektif dan berkesan.





## KARNIVAL / PAMERAN PENDIDIKAN KE INSTITUT PENGAJIAN TINGGI (IPT)

- Memberi peluang kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang belum mendapat tempat di Institut Pengajian Tinggi (IPT) untuk mendapat penerangan serta seterusnya mendaftar bagi mengikuti kursus kemahiran yang bersesuaian.
- Pemudahcara serta menyelaras Institut Pengajian Tinggi (IPT) terpilih untuk menemuduga / menilai pelajar ke arah pendaftaran terbuka berdasarkan kelayakan pelajar.
- Ke arah memastikan bahawa semua pelajar Terengganu lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat mengikuti program sama ada di Institut Pengajian Tinggi (IPT) atau pun pusat latihan kemahiran.







## SEMINAR BIMBINGAN LESTARI PELAJAR KE IPTA



Memberi pendedahan serta bimbingan yang lebih komprehensif dan 'hands on' kepada calon-calon SPM & STPM berkaitan pilihan kursus dan IPT bersesuaian bagi kemasukan ke mana-mana IPT di dalam atau luar negara.

Memberi peluang kepada calon untuk mendapatkan maklumat sumber penajaan dan saluran khas / alternatif untuk mengikuti pengajian bidang-bidang kritikal / profesional.

Mendapatkan nasihat yang jelas tentang prospek kerjaya yang sesuai mengikut perubahan zaman dan keperluan semasa negara.



# INSTITUSI PENDIDIKAN

## ASRAMA BERKELOMPOK YAYASAN TERENGGANU



Bermula pada tahun 1980, rancangan mengadakan asrama berkelompok di daerah telah dikembangkan.

1985

Asrama Yayasan Terengganu Besut

1986

Asrama Yayasan Terengganu Hulu Terengganu dan Asrama Yayasan Terengganu Kemaman

1988

Asrama Yayasan Terengganu Dungun





Asrama Berkelompok Yayasan Terengganu berperanan membantu menyediakan kemudahan asrama yang kondusif dan selesa kepada para pelajar terutama dari daerah pedalaman mengikuti persekolahan di sekolah terbaik di sekitar daerah.

Sebagai sebuah pusat kediaman yang berorientasikan pembelajaran, pelajar asrama ini berpeluang menikmati pelbagai kelebihan lain termasuk :

- Kelas Bimbingan Malam (tuisyen) secara percuma.
- Kemudahan Perpustakaan.
- Program Kecemerlangan Akademik Pelajar (PT3 / SPM).
- Kelas Fardhu Ain (KAFA).
- Biasiswa Kecil Yayasan Terengganu (BKYT) - Bagi Ibu Bapa / Penjaga yang berpendapatan bulanan RM2,500 dan ke bawah.
- Program Pembangunan Pelajar anjuran Yayasan Terengganu.
- Pengangkutan (bas) percuma ke sekolah dan pulang bercuti.





Aktiviti riadah pelajar.



Sesi bergambar pelajar bersama guru.



Barisan tenaga pengajar.



Pelajar asrama menaiki bas ke sekolah.





## KOLEJ KEMAHIRAN YAYASAN TERENGGANU



Kolej Kemahiran Yayasan Terengganu (KKYT) adalah sebuah kolej latihan yang menyumbang dan membekalkan tenaga mahir dan terlatih dalam bidang kemahiran pengurusan pejabat, sistem komputer dan pegawai latihan vokasional (VTO - Vocational Training Operation) di Negeri Terengganu.

Majlis Penyampaian Sijil Kemahiran Malaysia pada tahun 2004.








Majlis Menandatangani Dokumen Usahasama disaksikan oleh Menteri Besar Terengganu.



## Carta Alir Perkembangan Kolej Kemahiran Yayasan Terengganu





## MAKTAB RENDAH YAYASAN TERENGGANU MARA



Yayasan Terengganu berkolaborasi dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) untuk menubuhkan satu MRSM usaha sama antara MARA dengan Kerajaan Negeri Terengganu. *Memorandum of Understanding (MoU)* yang dibuat antara Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Yayasan Terengganu dengan pihak MARA adalah untuk menubuhkan dua buah MRSM usaha sama. Pada tahun 1993 tertubuhlah MRYT di Besut dan Dungun dengan nama asalnya MRYT MARA (Maktab Rendah Yayasan Terengganu MARA).


### Sejarah Nama Maktab Rendah Yayasan Terengganu MARA





## KOLEJ YAYASAN TERENGGANU

Kolej Yayasan Terengganu (KYT) telah memulakan program pengajian pada Disember 1991 secara francais dengan ITM (kini dikenali sebagai UiTM).







Pengurusan dan pentadbiran KYT dikendalikan oleh dua bahagian, iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar / Hal Ehwal Akademik (HEA / HEP). Gerak kerja kedua-dua bahagian ini diawasi oleh Ketua Eksekutif dan dibantu oleh Pengurus Besar.

KYT mempunyai 51 staf akademik dan 34 staf bukan akademik.

KYT merupakan Kolej Bersekutu UiTM sejak 1992 dan menawarkan 12 program UiTM. Di samping itu, KYT menawarkan satu program sendiri :

- Pra Sains
- Pra Perdagangan
- Pra Perakaunan
- Diploma Pengurusan Pelancongan
- Diploma Pengurusan & Teknologi Pejabat
- Diploma Seni Reka Grafik & Media Kreatif
- Diploma Sains
- Diploma Sains Komputer
- Diploma Pengurusan Perniagaan
- Diploma Perakaunan





## PUSAT MATRIKULASI TERENGGANU



Penempatan awal penubuhan Pusat Matrikulasi Terengganu di Sekolah Menengah Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu pada tahun 1997.




## KOLEJ MATRIKULASI TERENGGANU



Pada tahun 1998, Pusat Matrikulasi Terengganu telah ditukar namanya kepada Kolej Matrikulasi Terengganu. Tapak IKBN yang telah dijadikan kampus pertama Kolej Matrikulasi berhadapan Hospital Kuala Terengganu (kini dikenali sebagai Hospital Sultanah Nur Zahirah).





Pendaftaran pertama pelajar tahun 1998. Para pelajar menjelaskan yuran pendaftaran sambil ditemani oleh ibu bapa masing-masing.



Tenaga pengajar Pusat Matrikulasi pada tahun 1997.

Taklimat yang disampaikan semasa Hari Pendaftaran Kolej Matrikulasi pada tahun 1998.



Majlis Penutup Minggu Suai Kenal Kolej Matrikulasi Pelajar pada tahun 1998.





## INTERNATIONAL COLLEGE OF TERENGGANU



Pada 29 Ogos 1999, Kolej Matrikulasi Terengganu telah ditukar nama menjadi *International College of Terengganu*. Antara kursus baharu yang ditawarkan adalah :

- Pra TATI (Terengganu Advance Technical Institute)
- Pensijilan Teknologi Maklumat KUSZA-ICT
- Pensijilan Multimedia KUSZA-ICT
- Pensijilan Pra Diploma Teknologi Maklumat KUSZA-ICT
- Program Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin



## KOLEJ ISLAM SAINS TERENGGANU (KIST)

Hasil perkongsian bijak antara Yayasan Terengganu dan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu telah tertubuhnya Kolej Islam Sains Terengganu (KIST), bertempat di Kuala Berang. Sesi pertama persekolahannya telah bermula pada 28 Januari 2001. Penubuhannya adalah selari dengan pertambahan pelajar-pelajar Terengganu yang cemerlang dari tahun ke tahun.



Objektif penubuhan Kolej Islam Sains Terengganu (KIST) adalah seperti berikut :

- Menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang kondusif bagi pelajar-pelajar cemerlang UPSR dan PMR.
- Membantu meningkatkan imej dan martabat Kolej Sains Agama Kerajaan Negeri Terengganu.
- Memanfaatkan sepenuhnya kemudahan fizikal yang ada di KIST untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan anak Negeri Terengganu.
- Melahirkan lebih ramai pelajar cemerlang PMR dan SPM di Negeri Terengganu beraliran Sains dan Agama.
- Menyediakan kemudahan asrama kepada semua pelajar berkonsepkan asrama penuh.

Sehubungan dengan itu, bagi merealisasikan hasrat dan objektif penubuhannya, KIST telah dilengkapi dengan kemudahan asrama dan blok akademik yang boleh menampung sehingga 500 orang pelajar. Pada masa hadapan, KIST akan membangunkan tanah seluas 30 ekar di sebelah KIST Kuala Berang dengan bangunan akademik tambahan, dewan pelbagai guna, bilik guru, asrama serta masjid.

Penubuhan KIST merupakan satu lagi usaha Yayasan Terengganu dalam membantu dan mempelbagaikan kemudahan-kemudahan pembelajaran yang berkualiti kepada pelajar-pelajar anak Terengganu yang berpotensi sesuai dengan motonya iaitu "Usaha, Ilmu dan Taqwa".



## KOLEJ SAINS TEKNOLOGI AL-QURAN YAYASAN TERENGGANU (KOSTAQ YT)

Penubuhan kolej ini di Dungun dan Besut pada tahun 2003 adalah ekoran daripada hasrat pihak MARA yang ingin menghentikan kerjasama menjalankan MRSM-YT di Dungun dan Besut secara beransur-ansur. Kolej yang dicadangkan merupakan institusi pengajian peringkat menengah rendah dan menengah atas dengan pengisian kepada pendidikan kebangsaan dan agama. Pelajar-pelajar yang akan diterima masuk adalah terdiri daripada pelajar-pelajar lepasan UPSR dan UPSRI dengan keputusan 5A.

Objektif penubuhan kolej adalah seperti berikut :

- Bagi menyediakan kemudahan serta prasarana pendidikan yang lebih kondusif kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam UPSR dan UPSRI.
- Menyediakan kemudahan asrama kepada semua pelajar berkonsepkan asrama penuh.
- Melahirkan lebih ramai lagi pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan PMR.
- Melahirkan lebih ramai pelajar yang hafiz al-Quran dan profesional berteraskan agama dan al-Quran.
- Memartabatkan Negeri Terengganu sebagai pusat pengajian al-Quran yang terunggul di Malaysia.





## SEKOLAH MENENGAH IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU



Bangunan asal yang terdapat di tapak Sekolah Menengah IMTIAZ yang terletak di Kota Putera (bersebelahan dengan Masjid Kota Putera).

Penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ adalah hasil cetusan idea Dato' Idris bin Jusoh (pada ketika itu merupakan Timbalan Menteri Pembangunan) pada 31 Mei 1996. Ia merupakan kesinambungan daripada program Pintar Qur'an (*Quranic Excellence*) yang telah dilaksanakan di Besut, Terengganu. Beberapa sesi *brainstorming* bersama ahli akademik dan profesional telah diadakan bagi menjayakan idea penubuhan ini. Selain itu, beberapa siri lawatan ke luar negara juga turut diadakan antaranya lawatan ke Islamic School, England, Dubai Islamic School, UAE, South Burnaby School, Canada, Maahad Al-Zaytun, Indonesia dan Cape Town Islamic College, South Africa.

Allahyarham Dato' Bentara Luar Che Ismail bin Mohd Yusof, tuan tanah yang telah mewakafkan tapak Sekolah IMTIAZ Besut.



Tujuh orang pelajar terawal Sekolah Menengah IMTIAZ digelar Ashabul-Kahfi.



Sesi sumbangsaran (*brainstorming*) bersama ahli akademik dan profesional.



Lawatan ke Cape Town Islamic College, South Africa.



Lawatan ke Maahad Al-Zaytun, Indonesia.





Pelajar awal Sekolah Menengah IMTIAZ.

Pada 7 Januari 1999, Sekolah Menengah IMTIAZ mula beroperasi dengan kemasukan tujuh orang pelajar (digelar Ashabul-Kahfi). Kemudian, pada tahun yang sama beberapa orang pelajar lagi turut berdaftar di Sekolah Menengah IMTIAZ.

Matlamat utama penubuhan IMTIAZ (*School Of Excellence*) sebagai sebuah Sekolah Agama Bestari adalah untuk melahirkan pelajar yang bukan hanya cemerlang dalam bidang agama dan akademik, tetapi juga menguasai sains, matematik, ict dan kemahiran bersosialisasi serta kepimpinan.

Penggabungan sistem pembelajaran berfokuskan al-Quran, Pembangunan Sahsiah dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) yang terdapat di IMTIAZ menjadikan satu-satunya sekolah Agama Pintar yang ulung di negara ini.




Bangunan asrama di awal penubuhan Sekolah Menengah IMTIAZ.





Pada Ogos 2004, IMTIAZ telah diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Terengganu dengan mengekalkan konsep komuniti dan identiti yang tersendiri. IMTIAZ telah memelopori konsep Ulul Albab dengan menjadikan IMTIAZ sebagai landasan utama ke arah merealisasikan ummah yang Quranik, Ensiklopedik dan Ijtihadik. Matlamat utama IMTIAZ adalah untuk melahirkan pelajar yang bukan hanya cemerlang dalam bidang agama dan akademik tetapi juga menguasai sains, matematik, ICT dan kemahiran bersosialisasi serta kepimpinan.



"Pada tahun 2008 IMTIAZ berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (kini Kementerian Pendidikan Malaysia) di bawah Kategori Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)".





Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Besut.



Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Setiu.





Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Kemaman.



Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Kuala Berang.



Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan  
Terengganu Kuala Terengganu.





Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Dungun.



Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Kuala Nerus.



Sekolah Menengah IMTIAZ  
Yayasan Terengganu Marang.





**4,200** orang  
**Hafiz dan Hafizah**  
telah dilahirkan di IMTIAZ  
Yayasan Terengganu dari  
tahun 2008 - 2021





## PUSAT PENDIDIKAN YAYASAN TERENGGANU

Pusat Pendidikan Yayasan Terengganu (PPYT) bertujuan membantu dan membela nasib pelajar-pelajar Negeri Terengganu yang terkandas dalam peperiksaan awam bagi membaiki keputusan peperiksaan mereka.







Suasana bilik darjah / pembelajaran.



Keratan akhbar Sinar Harian.



Kem Motivasi dan Seminar Mata Pelajaran.



Bergambar kenang-kenangan bersama sebahagian pelajar yang berjaya ke IPTA 2012.



## MAKTAB RENDAH SAINS MARA IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU KETENGAH



Maktab Rendah Sains MARA IMTIAZ Yayasan Terengganu KETENGAH merupakan sebuah sekolah aliran berpendidikan menengah yang mula beroperasi pada tahun 2016. Ia terletak di Bandar Al-Muktafi Billah Shah di Negeri Terengganu. Pembinaan projek MRSM ini adalah hasil usahasama Kerajaan Negeri Terengganu melalui Yayasan Terengganu, MARA dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH). Sekolah ini juga merupakan salah satu daripada rangkaian projek di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). MRSM ini merupakan MRSM ke-5 di Negeri Terengganu dan MRSM ke-51 dibina. MRSM ini merupakan perintis yang melaksanakan aliran Program Khas Pendidikan (PKP) Sains Keusahawanan, di mana pelajar akan didedahkan kepada subjek-subjek dan program yang berteraskan keusahawanan.





Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), pembinaan projek MRSM ini dapat menjimatkan kos di mana kos pembinaan keseluruhan yang perlu ditanggung MARA jika tiada usahasama mencecah hampir RM50 juta. Berbeza dengan Sekolah Menengah IMTIAZ yang menerapkan aspek keagamaan, MRSM IMTIAZ Yayasan Terengganu KETENGAH pula menawarkan sistem pendidikan sains keusahawanan dan ditawarkan untuk pelajar menengah atas sahaja.




Pengambilan pelajar sulung telah diadakan pada 21 Mac 2016 dan 4 April 2016 di mana seramai 110 orang pelajar tingkatan 4 telah mendaftar masuk untuk sesi tahun 2016.

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) IMTIAZ Yayasan Terengganu (YT) KETENGAH di Bandar Al-Muktafi Billah Shah tamat beroperasi pada 31 Disember 2019 dan telah ditutup serta diganti dengan Sekolah Menengah Islam Darul Iman (SMIDI) yang mula beroperasi pada 1 Januari 2020.









# **PENCAPAIAN**

## **YAYASAN TEREANGGANU**







Tuan Haji Abdul Wahab bin Mohd Arshad, Pengetua Sekolah Menengah IMTIAZ Yayasan Terengganu Besut telah menerima Tokoh Tranformasi Pendidikan Negara Tahun 2015 yang disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.





Anugerah Emas Amalan 5S  
di Konvensyen 5S Peringkat  
Wilayah Tengah dan Kebangsaan.







Quality Environment  
Management System.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI



# PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN OLEH MDEC KEPADA YAYASAN TERENGGANU, PTPTN DAN LUXTAG







Anugerah Kecemerlangan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2020.



Johan Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul  
Peringkat Negeri Terengganu Tahun 1437H / 2015M.



Tempat Ketiga Sempena Sambutan Maulidur Rasul  
Peringkat Negeri Terengganu Tahun 1440H / 2018M.



Johan Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul  
Peringkat Negeri Terengganu Tahun 1437H / 2015M.



## YT MELAKAR SEJARAH DI KOTA SAMARAHAN

Tahun ini giliran Yayasan Sarawak menjadi tuan rumah bagi Pesta Sukan Antara Yayasan-yayasan Negeri (PESAYA) seluruh Malaysia kali ketujuh - PESAYA ke-7 telah diadakan pada 6 hingga 12 September 2003 di mana melibatkan seramai 662 peserta dari 13 buah negeri.

Maktab Perguruan Tun Abdul Razak di Kota Samarahan dijadikan tapak acara. Pesta dwitahunan ini bertujuan mengeratkan silaturrahim seluruh warga yayasan terutamanya antara negeri-negeri di Semenanjung serta Malaysia Timur. Pelbagai acara dipertandingkan seperti bola sepak, sepak takraw, bola jaring, bola tampar,

badminton, golf, ping pong serta acara sukan rakyat iaitu mendayung perahu tambang.

Yayasan Terengganu telah menghantar seramai 38 peserta bagi menyertai setiap kejohanan yang diadabkan Latihan intensif, komitmen serta semangat juang yang tinggi dan tidak ketinggalan sokongan padu pihak pengurusan telah menyemarakkan kontinjen

Yayasan Terengganu mengukir sejarah, di mana telah memperolehi pingat emas bagi acara ping pong lelaki dan wanita. Manakala bagi acara bola tampar lelaki serta mendayung perahu tambang wanita, Yayasan Terengganu telah berjaya mendapat tempat kedua. Sepak Takraw Berpasukan dan antara regu menyumbangkan pingat gangsa.

Tahniah diucapkan kepada semua kontinjen yang telah begitu komited dalam mengharumkan nama Yayasan Terengganu di persada Sukan Antara Yayasan-yayasan Negeri. PESAYA ke-8 pasti akan kembali lagi di Semenanjung pula. Yayasan Islam Perlis telah dipilih menjadi tuan rumah bagi PESAYA



Tahniah!!

ke-8 yang akan diadakan pada tahun 2005. Insya-Allah Yayasan Terengganu akan terus menyertai PESAYA dan bagi mempertingkatkan kejayaan cemerlang bakal diraih, persiapan rapi dari segi mental dan fizikal akan dimulakan lebih awal lagi.



Pemain bowling bersama Tuan Pengarah



Pasukan Sepak Takraw

## HARI KELUARGA 2003

Sebagaimana tahun-tahun yang lalu, Kelab Yayasan Terengganu meneruskan tradisi mengadakan Majlis Hari Keluarga. Kali ini giliran Kompleks Pendidikan Yayasan Terengganu Dungun menjadi tuan rumah menyambut warga Yayasan Terengganu dari semua daerah. Majlis ini diadakan pada 19 April 2003 dan disertai lebih kurang 800 kakitangan serta keluarga. Selain jamuan tengahari, acara sukaneka dan pertunjukan bakat juga diadakan.

Menurut Focik Che Azmi bin Hj. A. Rahman, Pemangku Pengerusi Kelab Yayasan Terengganu tujuan utama majlis ini diadakan bagi memberi peluang kakitangan terutama dari daerah yang berlanau berkenal mesta. Hubungan yang rapat antara kakitangan sudah tentu boleh meningkatkan produktiviti dan meng-untungkan jabatan dalam masa panjang. Insya Allah program ini diteruskan di masa



Acara Hup Belon bagi anak-anak kakitangan.

hadapan bagi memastikan setiap kakitangan berjumpa sekurang-kurangnya sekali setahun.



Gerai Terbaik Sempena Sambutan Aidilfitri bersama YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif bin Abd Rahman, Menteri Besar Terengganu di Dataran Permata Seberang Takir Tahun 2016.



Gerai Terbaik Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Peringkat Negeri Terengganu Tahun 2019.





**TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU**

**PRINSIP KE 8 : MEMPERKASA PENDIDIKAN  
SATU LAGI SEJARAN SUCCESS STORY  
TERCIPTA DI NEGERI TERENGGANU**

**SYUKUR ALHAMDULILLAH . TANNIAH TI - IMTIAZ YT BESUT DI ATAS PENCAPAIAN TERBAIK  
PINGAT EMAS (GOLD MEDAL RESEARCH CATEGORY )  
DI WORLD INVENTION CREATIVITY CONTEST  
DI SETEC ,SEOUL,KOREA PADA 30 JULAI 2017**

#moveforward #molekdohening Sekretariat TTB

**ASRAMA YT  
KEMAMAN  
GOLD MEDAL**

Membangun nilai,  
Merintis kejayaan

**PERTANDINGAN  
INOVASI TICPRO**  
Pusat Latihan Teknologi Tinggi  
(ADTEC) Kemaman

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

*Alhamdulillah... Tahniat & syabas*

**SEK MEN IMTIAZ  
YT  
K. TERENGGANU  
SILVER MEDAL**

**imtiaz  
School of Excellence  
KUALA TERENGGANU**

International Intellectual  
Property, Invention Innovation  
& Technology Exposition

Anjuran  
National Research Council of Thailand  
Di Bangkok International Trade and The  
Exhibition Centre

Membangun nilai,  
Merintis kejayaan

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

*Alhamdulillah*

**Sek Men Imtiaz YT K. Terengganu  
Gold Medal**

**Pertandingan Inovasi IYIA (The 5th International  
Young Inventors Award)**  
Inna Grand Bali, Sanur Beach, Bali, Indonesia

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)



**Alhamdulillah...**  
**SM IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU BESUT - GPS 1.64**  
 TERBAIK PERINGKAT NEGERI  
 TERBAIK PERINGKAT KEBANGSAAN KATEGORI SMKA DAN SABK  
**PENCAPAIAN CEMERLANG SM IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU**

BIL	SEKOLAH	GPS	KEDUDUKAN NEGERI	KEDUDUKAN SMKA DAN SABK
1	SM IMTIAZ YT BESUT	1.64	1	1
2	SM IMTIAZ YT KEMAMAN	1.86	3	2
3	SM IMTIAZ YT KUALA BERANG	1.95	4	3
4	SM IMTIAZ YT KUALA TERENGGANU	2.24	6	7
5	SM IMTIAZ YT DUNGUN	2.33	9	13

**imtiaz**  
School of Excellence

**TAHNIAH...!!!**

- \* MUHAMMAD KHAIRUL AZRI BIN MOHD KHALID  
PELAJAR SM IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU BESUT
- \* SALAH SEORANG PELAJAR TERBAIK TERENGGANU  
SPM 2017 - 11A+
- \* HAFIZ 30 JUZUK AL-QURAN
- \* SALAH SEORANG PELAJAR PROGRAM  
SYAHADAH ULYA ULUL ALBAB YANG MENJADI  
PROJEK PERINTIS KEPADA PERLAKSANAAN  
KURIKULUM SYAHADAH PERINGKAT KEBANGSAAN

#terengganumolekdoh

**MEMPERKASA PENDIDIKAN**

*Membangun Nila. Merintis Kejayaan*

**Alhamdulillah...**

**ANUGERAH CEMERLANGAN JALINAN**  
 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
 KEMERLANGAN JALINAN  
 KLUSTER KECEMERLANGAN  
 DENGAN UNIVERSITI AWAM  
 2018

**SEK MEN IMTIAZ YT KUALA BERANG**  
**TEMPAT PERTAMA**  
 ANUGERAH KECEMERLANGAN JALINAN  
 SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN DENGAN UNIVERSITI AWAM  
 KERTAS KAJIAN TINDAKAN  
 Dewan Za'ba, Jabatan Pendidikan Tinggi

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

**ANUGERAH PINGAT EMAS YT**  
 Muhammad Khairul Azri bin Khalid  
 Sek Men Imtiaz YT Besut  
 Muhammad Syaueqillah bin Razali  
 SMK Agama Sheikh Abdul Malek

**ANUGERAH KHAS YT**  
 Ahmad Izzat bin Shohame@Suhaimi  
 Sek Men Keb Kuala Temong

**Syabas & tahniah!!**  
 Penerima Anugerah pingat Emas Yayasan Terengganu  
 &  
 Hadiah Kecemerlangan SPM, STPM dan STAM Negeri Terengganu 2018

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)





Membangun nilai,  
Merintis kejayaan...

Bestari Cemerlang  
Alhamdulillah...

### MURID BESTARI CEMERLANG

**SEK MEN IMTIAZ YT  
BESUT**  
ANUGERAH PEMBESTARIAN  
SEKOLAH PERINGKAT  
KEBANGSAAN 2018  
KATEGORI KEAJAIBAN  
REKA BENTUK  
16 Okt 2018  
AUDITORIUM BTP BUKIT KIARA

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

Membangun nilai,  
Merintis kejayaan...

GIVING CEREMONY  
OFFICIATED BY *Alhamdulillah...*  
DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR  
THE RICH HONORARY CHIEF GUEST OF TERENGGANU

### SEK MEN IMTIAZ YT BESUT

Tempat Ketiga  
Grand Final Mathematic Innovation Challenge  
Terengganu  
Kategori Menengah Atas

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

Membangun nilai,  
Merintis kejayaan...

PERINGKAT KEBANGSAAN  
2018  
FLAMINGO  
AMPANG

*Alhamdulillah...*

### SEK MEN IMTIAZ YT KUALA TERENGGANU

Anugerah Penyampai Terbaik Pertandingan YESS  
Peringkat Kebangsaan

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

Membangun nilai,  
Merintis kejayaan...

*Alhamdulillah...*  
Sek Men Imtiaz YT Kuala Berang

Alhamdulillah adik Mohd Irsyad dari Sek Men Imtiaz YT Kuala Berang mendapat tempat ke 2 di 23rd GACC Chess Championship kategori Bawah 14 peringkat Kebangsaan di Universiti Malaya.

[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)



 ANUGERAH PENCAPAIAN TERBAIK SPM (SABK) PERTAMA.



SEK MEN IMTIAZ YT KUALA TERENGGANU [www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

 *Alhamdulillah..  
Syabas & tahniah*

ANIS SYUHADA BINTI MOHD KHAIRI  
PELAJAR TINGKATAN 4  
SEK MEN IMTIAZ YT KUALA  
TERENGGANU  
&  
CHE NURUL AMIRAH BINTI CHE ALIAS  
PELAJAR TING 1  
SEK MEN IMTIAZ YT SETIU

JOHAN PING PONG KEBANGSAAN  
KATEGORI PELAJAR PEREMPUAN



[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

 *Alhamdulillah..  
Syabas & tahniah*

SEK MEN IMTIAZ YT  
KEMAMAN

JUARA  
SENTUHAN HARAPAN  
ALL ABOUT YOUTH 2019

Anjuran  
YAYASAN PETRONAS



[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)

 *Alhamdulillah..  
Syabas & tahniah*

SEK MEN IMTIAZ YT DUNGUN  
SPECIAL PRIZE FOR THE BEST  
INNOVATION  
FROM  
UNIVERSITY OF  
CHULALONGKORN  
DI  
WORLD INNOVATION CREATIVITY  
OLYMPIC  
SEOUL KOREA



[www.yt.gov.my](http://www.yt.gov.my)







# SM Imtiaz Kuala Berang terbaik



■ Shahril (kanan) bersama ibu, Rohaliza dan tiga adiknya gembira dengan keputusan 9A yang diperolehnya.

Seramai 36 daripada 41 pelajar PMR di sekolah itu berjaya memperoleh 9A menjadikan sekolah ini menduduki tempat pertama keseluruhan peringkat negeri berbanding tempat ketiga tahun lalu


#### NORHASPIDA YATIM

**KUALA BERANG** - Sekolah Menengah Imtiaz Kuala Berang muncul sekolah terbaik peringkat negeri dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang keputusannya diumumkan semalam.

Penolong Kanan Pentadbiran dan Akademik Sekolah Menengah Imtiaz, Kuala Berang, Musa Mamat berkata, seramai 36 daripada 41 pelajar yang menduduki peperiksaan PMR di sekolah itu berjaya memperoleh 9A dalam peperiksaan.

"Jumlah itu menjadikan sekolah ini menduduki tempat pertama keseluruhan peringkat negeri berbanding tempat ketiga tahun lalu.

"Tahun lepas, kita turut tersenarai antara lima terbaik pada peringkat nasional bagi kategori sekolah agama," katanya ketika ditemui di pejabat SM Imtiaz, Kuala Berang, semalam.



## SPM 2017 pencapaian terbaik SMIYT Kuala Berang

**KUALA BERANG**- Sekolah Menengah Imtiaz Yayasan Terengganu (SMIYT) Kuala Berang muncul sekolah terbaik di daerah ini dalam keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2017 diumumkan semalam dengan Gred Purata Sekolah (GPS) 1.95.

Keputusan itu sekaligus melakar sejarah sendiri bagi sekolah berkenaan kerana ia merupakan pencapaian GPS terbaik sepanjang penubuh-

daripada keseluruhan 41 calon SPM 2017 di sekolah tersebut, tujuh orang mendapat kesemua 11A atau bersamaan 11.29peratus(%), empat orang 10A, tiga orang 9A dan selebihnya memperoleh antara 8A hingga 2A.

"Keputusan SPM 2017 ini adalah yang terbaik pernah dicapai di sekolah ini, dengan GPS 1.95. Kita muncul terbaik di daerah Hulu Terengganu bagi pencapaian sekolah cemerlang dan berada di ke-

pencapaian sekolah semua A terbaik dengan 17.07%. Kita selepas Sekolah Menengah Imtiaz Kemaman di kedudukan tempat ketiga.

"Pencapaian dan kejayaan dirangkul calon dari sekolah ini tentunya hasil sokongan serta kerjasama pelbagai pihak terutamanya Pejabat Pendidikan, Yayasan Terengganu serta Persatuan Ibumama dan Guru (PIBG) serta rakan strategik yang lain.

"Kejayaan ini iuzat dapat





# Usaha murni YT wajar jadi contoh

177 pelajar dapat penghargaan atas usaha membudayakan al-Quran

WAN AMALIA  
WAN MOHD DAUD

**KUALA TERENGGANU** - Pembudayaan al-Quran yang digunakan Sekolah Menengah (SM) Imtiaz Yayasan Terengganu (YT) wajar dicontohi pelbagai pihak.


Pengerusi Jawatankuasa Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains & Teknologi dan Sumber Manusia negeri, Ahmad Razif Abdul Rahman berkata, pendekatan yang digunakan ini bakal melahirkan profesionalis al-Quran yang cemerlang dalam bidang sains dan teknologi.

"Kita mengharapkan kejayaan yang dicapai anak Imtiaz akan menjadi titik permulaan dan pemangkin kecemerlangan anak Terengganu dalam aspek akademik dan kerohanian.

"Pembangunan modal insan berkualiti bukan sahaja menekankan ilmu pengetahuan dan kemahiran tinggi tetapi menuntut keimanan serta kepentingan nilai, etika dan moral," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Anugerah Hafazan & Haflah Al-Takharruj 2010 Sekolah-sekolah Imtiaz YT di Dewan Besar, Wisma Darul Iman (WDI).

Menurutnya, dalam era globalisasi dan tuntutan masyarakat dalam bidang pendidikan yang semakin mencahar, pendedahan disiplin ilmu yang memberi keutamaan kepada kemahiran interpersonal, agama, nilai mo-



■ Ahmad Razif menyampaikan anugerah hafazan al-Quran kepada Nazihah Abu Razim dari Imtiaz Dungun di Dewan Besar, WDI.

ral, jati diri, kewarganegaraan dan pendidikan menjadi sebahagian tuntutan dunia yang semakin kompetitif serta berdaya saing.

"Semoga dengan gabungan aspek itu secara seimbang, ia dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri melahirkan tokoh Ulul Albab yang mampu membawa ke-

jayaan secara berterusan," katanya.

Sementara itu, Razif berkata, pengiktirafan kepada 177 pelajar yang berjaya khatam hafaz 30 juzuk al-Quran di empat sekolah Imtiaz tahun ini membuktikan komitmen semua pihak.

"Saya yakin dan percaya dengan pengiktirafan yang

diberikan kepada pelajar ini, kita dapat memastikan kelangsungan generasi pintar al-Quran dalam kehidupan.

"Oleh itu, dengan penghargaan sijil, piala dan wang tunai RM1,000 kepada pelajar itu, ia mampu memberi semangat kepada pelajar lain untuk terus menyahut cabaran," katanya.





Johan Kawad Kaki Kategori Badan Bukan Beruniform Tahun 2017.



Dua orang pelajar straight A SPM 2016.

Dua orang pelajar straight A SPM 2017.







Johan (Pro Regular Upper Secondary) - Pertandingan Robotik Kebangsaan (NRC) Peringkat Negeri Terengganu 2019.



Tempat Ketiga - First International Robotics Bowling Competition 2019, Langkawi, Kedah.



Johan - Pertandingan NRC 2018 Peringkat Negeri Terengganu Kategori Menengah Rendah.



Pertandingan Robotik Tug of War 2018 Peringkat Antarabangsa Kategori Sekolah Menengah Rendah.



Best Awards - Pertandingan BiIDE 2018 Anjuran UiTM Kampus Raub, Pahang Kategori Sekolah.



Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda Negeri Terengganu 2018.




Johan - National Robotic Championship 2017 Peringkat Negeri Kategori Regular Pro Menengah Rendah.



Pertandingan Robotik Peringkat Kebangsaan (NRC) 2017.







**WARNA-WARNI  
WARGA  
YAYASAN TERENGGANU**



## "Ruang Kerja Yayasan Terengganu"



1976



2000



2022



2022



## "Pegawai dan Kakitangan Yayasan Terengganu"



PESAYA, Dungun (tahun 1994)



MRSM YT Besut (tahun 1997)





"Program Lawatan Kerjasama  
Yayasan Selangor"



"Larian Amal Sempena Sambutan  
30 Tahun Yayasan Terengganu"



"Kursus Pemandu"





"Sambutan Hari Keluarga  
Yayasan Terengganu"



"Program Kelab Yayasan Terengganu"







"Pesta Sukan  
Antara Yayasan-Yayasan  
SeMalaysia"











"Perarakan dan Perbarisan  
Sambutan Hari Kebangsaan  
Peringkat Negeri  
Terengganu"











"Perarakan Maulidur Rasul"



## Perarakan Sambutan Maulidur Rasul Tahun 1433H/2011M

Syabas.. Yayasan Terengganu telah mendapat tempat keempat daripada 23 buah Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun yang menyertai perarakan Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Terengganu pada 5 Februari 2012. Perarakan disertai oleh 40 orang pegawai dan staf iaitu 23 orang lelaki dan 17 orang perempuan dengan tema Persofahaman Asas Perpaduan Ummah.











## "Aktiviti Kelab"



Program Memasak dan Pengagihan Pengat Ubi.





Program Memasak dan Pengagihan Bubur Asyura.







## "Program Bersama Komuniti"








"Program Derma Darah"











**PROGRAM SAMBUTAN  
JUBLI EMAS  
YAYASAN TERENGGANU**





"Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Emas  
Yayasan Terengganu 1972 - 2022"



"Kejohanan Boling Tertutup Piala YBhg. Dato' Pengarah  
Yayasan Terengganu 2022"







"Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)  
Yayasan Terengganu 2022 - 2026"



"Ride Amal Yayasan Terengganu Sempena Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Yayasan Terengganu"







"Program Ride Santai Bersama Komuniti Setempat"



## "Program Derma Darah Yayasan Terengganu 2021"







"Program Membangun Nilai Merintis Kejayaan Bersamamu  
(Pesara Yayasan Terengganu) Sempena Sambutan Jubli Emas Yayasan Terengganu"



"Temubual Eksklusif YBhg. Dato' Pengarah  
Yayasan Terengganu Bersama Terengganu FM"







"Program Kembara Jubli Emas Yayasan Terengganu 2022"



## "Fun Ride Jubli Emas Yayasan Terengganu"







"Program Kembara Dabong Yayasan Terengganu 2022"



"Majlis Anugerah Pingat Emas dan Hadiah Kecemerlangan SPM, STPM dan STAM Tahun 2020 Yayasan Terengganu Kali Ke-41"







"Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Yayasan Terengganu dengan Universiti Teknologi MARA dan ACCA serta Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah"









"Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Yayasan Terengganu dengan Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera"









"Kejohanan Boling Persahabatan antara Yayasan Terengganu dan Kelab Wartawan Media Terengganu (KAWAT)"



"Pantun Ria antara Jabatan Penyiaran Terengganu (RTM) dan Yayasan Terengganu"







"Majlis Iftar Ramadhan YBhg. Dato' Pengarah  
Bersama Warga Yayasan Terengganu"



"Program Infaq Ramadhan Bersama Penarik Beca dan Asnaf Yayasan Terengganu 2022"







"Iftar PERMATA Peringkat Zon Utara 1443H | 2022"





"Iftar PERMATA Peringkat Zon Tengah 1443H | 2022"







"Kongres Pendidikan Rakyat Terengganu (KOPERAT) | 2022"









"Majlis Sambutan Jubli Emas Yayasan Terengganu | 2022"














# **PENGHARGAAN**





# PENGHARGAAN

Buku ini mungkin tidak dapat dijayakan tanpa sumbangan daripada tokoh dan agensi-agensi kerajaan.

Ini termasuk juga pihak lain yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Sidang redaksi buku 50 Tahun Jubli Emas Yayasan Terengganu amat berterima kasih kepada semua yang terlibat.

**Pejabat Menteri Besar Negeri Terengganu**

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu**

**Pejabat Dewan Undangan Negeri Terengganu**

**Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**

**Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu**

**Lembaga Muzium Negeri Terengganu**

**Institute For Historical And Legal Studies (R-TiHiLS)**

**Arkib Negara Malaysia, Negeri Terengganu**

**Urus Setia Penerangan Darul Iman (UPDI)**

**Universiti Teknologi MARA (UiTM), Kampus Kuala Terengganu**

**Tuan Haji Yusof bin Tahir**





# SIDANG REDAKSI

Penaung :

**YBhg. Dato' Haji Mohd Azmi bin Mohamad Daham  
(Pengarah Yayasan Terengganu)**

Editor :

**Encik Wan Hishamuddin bin Wan Suhaime**

Pembaca Pruf :

**Puan Rozita binti Zainum  
Encik Mustafa bin Mat Amin  
Encik Mohd Zaidy bin Awang**

Urus Setia :

**Encik Ahmad Fahmi bin Fauzi  
YM Tuan Marina binti Tuan Ismail  
Puan Azlinawati binti Salleh  
Puan Nor Azlin binti Abd. Patah  
Puan Nurul Aini binti Kadir  
Encik Wan Mohd Shukri bin Wan Gani  
Encik Mohd Suhaidi bin Abdul Rahman  
Puan Rozita binti Muda  
Encik Ahmad Bazli Hafiz bin Ab. Latif  
Encik Muhamad Khairi bin Mezah  
Puan Nurul Akhmawati binti Ismail  
Encik Amir Zakwan bin Khairul Annuar  
Encik Mohd Hazman bin Hamzah  
Encik Mohammad Yushairi bin Mohamad  
Cik Anis Hartini binti Abdul Jalil  
Encik Muhammad Aiman Syahmi bin Amlisani  
Puan Ellia Azlinda binti Osman**

Reka Bentuk Grafik dan Cetakan :

**Silvero Media**



